



KEMENTERIAN
PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI

SIARAN MEDIA

SEKTOR PEMBUATAN DAN PERKHIDMATANNYA YANG BERKAITAN DIBENARKAN BEROPERASI SEPANJANG PKP BERMULA 1 - 14 JUN TERTAKLUK KEPADA KELULUSAN MITI

Berikutan keputusan Kerajaan untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh negara bermula dari 1 hingga 14 Jun 2021, **sektor pembuatan dan perkhidmatannya yang berkaitan (*manufacturing related service* - MRS)** yang **disenaraikan di dalam Lampiran 1** dibenarkan untuk beroperasi, dengan syarat mendapat surat kelulusan daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) yang boleh dimuatturun daripada portal *COVID-19 Intelligent Management System* (CIMS) 3.0. Untuk **sektor selain pembuatan dan MRS**, syarikat diminta merujuk kepada **Kementerian yang mengawal selia sektor masing-masing atau Majlis Keselamatan Negara (MKN)**. Perlu ditegaskan bahawa MITI hanya boleh memberi kelulusan beroperasi kepada sektor perkilangan dan MRS.

Sektor **pembuatan dan MRS** yang dibenarkan beroperasi akan memastikan gangguan minima kepada rantaian bekalan komponen dan produk siap kritikal. Ini adalah penting bagi menjamin kelangsungan operasi infrastruktur kritikal seperti keselamatan, kesihatan awam dan sistem informasi dan telekomunikasi serta memastikan bekalan keperluan asas mencukupi untuk Rakyat.

Berkuat kuasa pada hari **Ahad, 30 Mei 2021 jam 8.00 malam**, syarikat pembuatan yang sedia ada berdaftar dengan CIMS 3.0 boleh memuat turun surat kelulusan MITI yang baharu dan mengemas kini senarai pekerja mereka, sekiranya perlu. Bagi syarikat pembuatan yang masih belum mendaftar, boleh membuat pendaftaran bermula hari **Isnin, 31 Mei 2021, bermula jam 1.00 tengah hari**. Maklumat terperinci mengenai tatacara pendaftaran di CIMS 3.0 (melalui pautan notification.miti.gov.my) boleh dilayari melalui www.miti.gov.my.



**KEMENTERIAN
PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI**

Selain itu, pekerja di **sektor pembuatan dan MRS** memerlukan surat kelulusan MITI, surat pengesahan lantikan daripada majikan atau kad pekerja untuk pergerakan mereka ke tempat kerja. Prosedur Operasi Standard (SOP) semasa mengenai kapasiti tenaga kerja dikekalkan pada kadar 60%. Syarikat pembuatan dalam sektor yang hanya dibenarkan untuk meletakkan mesin di dalam status siap siaga perlu memuat turun surat kelulusan MITI melalui CIMS 3.0, tertakluk pada kapasiti tenaga kerja pada kadar 10%.

Sektor pembuatan dan MRS yang dibenarkan beroperasi wajib memastikan pematuhan ketat ke atas SOP oleh MKN dan MITI. Kegagalan mematuhi SOP adalah satu kesalahan dan boleh mengakibatkan kompaun dan / atau penutupan premis. Untuk memastikan pematuhan SOP yang berkesan, langkah penguatkuasaan yang komprehensif dan ketat akan dilakukan oleh agensi penguatkuasaan Persekutuan dan Negeri.

KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA & INDUSTRI (MITI)

30 MEI 2021

Tentang MITI:

MITI adalah pemacu utama dalam menjadikan Malaysia sebagai destinasi pilihan bagi pelaburan berkualiti dan meningkatkan status negara ini sebagai sebuah negara perdagangan yang kompetitif di peringkat global. Objektif dan peranannya adalah berorientasikan ke arah memastikan pembangunan ekonomi yang pesat di Malaysia dan membantu mencapai matlamat yang dinyatakan di negara ini untuk menjadi sebuah negara maju.



KEMENTERIAN
PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI

Pertanyaan Media:

Unit Komunikasi Strategik MITI

Tel +603 6200 0082

Fax +603 6206 4293

E-mail alluks@miti.gov.my



KEMENTERIAN
PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI

LAMPIRAN 1

SENARAI SEKTOR PEMBUATAN DAN PERKHIDMATANNYA YANG BERKAITAN YANG DIBENARKAN BEROPERASI SEPANJANG PKP BERMULA DARI 1 – 14 JUN 2021

Kapasiti (60% pekerja):

1. Aeroangkasa (komponen dan *maintenance, repair and overhaul – MRO*)
2. Makanan dan minuman
3. Bahan pembungkusan dan percetakan
4. Barang-barang penjagaan diri, dan bahan pencuci
5. Keluaran penjagaan kesihatan dan perubatan termasuk penokok diet
6. Peralatan perlindungan diri (PPE) termasuk sarung tangan getah dan peralatan keselamatan kebakaran
7. Komponen bagi peranti perubatan
8. Elektrikal dan Elektronik
9. Minyak dan gas (*Oil and Gas*) termasuk petrokimia dan produk petrokimia
10. Produk kimia
11. Mesin dan peralatan
12. Tekstil untuk pengeluaran PPE sahaja
13. Pengeluaran, penyulingan, penyimpanan, pembekalan dan pengagihan bahan api dan pelincir

Siapsiaga (warm idle) (10% pekerja):

1. Automotif (kenderaan dan komponen)
2. Besi dan Keluli
3. Simen
4. Gelas
5. Seramik